

IPVox, CASE edar EzyTouch di Asia Barat

KUALA LUMPUR 5 Dis. – Syarikat MSC tempatan, yang menyediakan pusat panggilan, IPVox telah mengadakan usahasama dengan CASE untuk mengedarkan penyelesaian pusat panggilan EzyTouch di Asia Barat.

CASE merupakan syarikat pembekal aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi di Riyadh, Saudia Arabia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif IPVox, Rodney Yap, pertumbuhan pesat pusat panggilan di rantau berkenaan, menggalakkan pihaknya mengadakan EzyTouch dalam bahasa Arab sepenuhnya untuk memenuhi permintaan PKS tempatan di Timur Tengah.

Utusan Malaysia, Utusan Ekonomi
5 Disember 2005, Isnin